

3766/1
PERNIAGAAN
KERTAS 1
1 JAM 15 MINIT
JULAI 2026

NAMA :

KELAS :



**MODUL PINTAS PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TINGKATAN 5
TAHUN 2026**

PERNIAGAAN
Kertas 1
Satu jam lima belas minit


JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas yang disediakan.*
4. *Penggunaan kalkulator yang tidak boleh diprogramkan dibenarkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

- 1 Antara berikut manakah organisasi bukan bermotifkan untung?
 - A Pasar Raya Mewah
 - B Klinik Gigi Dr. FieFah
 - C MKAY Energy Sdn. Bhd.
 - D Yayasan Kebajikan Negara
- 2 Apakah kelebihan bentuk milikan perniagaan perkongsian?
 - A Gabungan kepakaran dan pengalaman
 - B Hayat perniagaan adalah berterusan
 - C Liabiliti kerugian setakat modal sahaja
 - D Menanggung kadar cukai yang tinggi
- 3 Apakah tujuan syarikat awam berhad disenaraikan di Bursa Malaysia?
 - A Mengurangkan pekerja
 - B Mengurangkan keuntungan
 - C Meningkatkan cukai syarikat
 - D Meningkatkan modal perniagaan
- 4 Apakah kelebihan francais kepada francais?
 - A Menanggung risiko kegagalan yang rendah
 - B Menerima perubahan pada identiti perniagaan
 - C Menanggung kos promosi sendiri
 - D Menerima bantuan pembiayaan
- 5 Antara berikut, yang manakah ciri perniagaan bersaiz sederhana bagi sektor pengilangan?
 - I Jumlah jualan tahunan dari RM15 juta hingga kurang daripada RM50 juta
 - II Jumlah jualan tahunan dari RM300 000 hingga kurang daripada RM15 juta
 - III Bilangan pekerja tetap seramai 30 orang hingga kurang daripada 75 orang
 - IV Bilangan pekerja tetap seramai 75 orang hingga kurang daripada 200 orang
 - A I dan III
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D II dan IV

6 Rajah 1 menunjukkan kelompok sektor perniagaan.



Rajah 1

Apakah contoh pekerjaan yang mewakili Y?

- A Petani
- B Akauntan
- C Kontraktor
- D Nelayan

7 Pasangan manakah yang betul?

	Jenis pelepasan cukai	Huraian
A	Potongan cukai	Diberikan kepada perniagaan berstatus Koridor Raya Multimedia (MSC)
B	Elaun pelaburan semula	Diberikan kepada pengeksport yang menjual barangan tempatan
C	Elaun cukai pelaburan	Diberikan kepada syarikat yang terlibat dalam pengeluaran makanan
D	Taraf perintis	Diberikan kepada syarikat yang menyertai promosi oleh kerajaan

8 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan agensi kerajaan.

- Mewujudkan kawasan industri
- Menarik kemasukan pelabur
- Menggalakkan penglibatan sektor swasta

Pihak manakah yang terlibat?

- A Kerajaan negeri
- B Kerajaan tempatan
- C Bank Negara Malaysia
- D Pihak Berkuasa Tempatan



- 9 Maklumat berikut berkaitan dengan langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi sejenis pengangguran.

- Kerajaan membuat perancangan ekonomi sesuai dengan trend perubahan perniagaan
- Menyediakan latihan dan pendidikan tinggi selari dengan perubahan tuntutan semasa dalam tenaga kerja.

Apakah jenis pengangguran yang terlibat?

- A Pengangguran kitaran
 B Pengangguran struktur
 C Pengangguran teknologi
 D Pengangguran bermusim
- 10 Antara yang berikut, yang manakah tindakan kerajaan mengatasi deflasi?

- I Menggalakkan pelaburan
 II Mengetatkan syarat pinjaman
 III Mengurangkan kadar cukai
 IV Menurunkan kadar faedah simpanan

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

- 11 Maklumat berikut berkaitan sebuah perniagaan.

Perniagaan Hijau Sdn. Bhd. berjaya menyiapkan tempahan 300 helai baju kemeja dalam tempoh sebulan.

Apakah faktor luaran yang membantu peningkatan produktiviti tersebut?

- A Kedudukan kewangan yang kukuh
 B Strategi pemasaran secara dalam talian
 C Kemajuan teknologi pembuatan mesin jahit
 D Pekerja yang berpengalaman dan berkemahiran

- 12 Apakah maksud misi?

- A Pembentukan matlamat jangka panjang perniagaan
 B Penetapan maklumat yang lebih khusus untuk dicapai
 C Ketetapan yang nyata tentang aktiviti utama perniagaan
 D Sasaran khusus yang ingin dicapai dalam tempoh tertentu

- 13 Maklumat berikut berkaitan dengan perancangan bagi Kedai Langsir Syiela.

Sempena musim perayaan, Kedai Langsir Syiela telah merancang pelan operasi kerja berdasarkan jadual khusus supaya dapat menyiapkan semua tempahan tepat pada masanya.

Apakah ciri objektif SMART yang terlibat dalam situasi tersebut?

- A Spesifik
- B Boleh diukur
- C Boleh dicapai
- D Jangka masa

- 14 Maklumat berikut berkaitan dengan satu elemen SWOT.

Kedai Roti Embun menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja yang mahir untuk menghasilkan kek perkahwinan yang ditempah oleh pelanggan.

Apakah elemen SWOT berkaitan situasi tersebut?

- A Kekuatan
- B Kelemahan
- C Peluang
- D Ancaman

- 15 Antara berikut, fungsian manakah yang boleh meningkatkan permintaan dalam pasaran?

- A Pengeluaran
- B Pemasaran
- C Pembelian
- D Pengagihan

- 16 Antara yang berikut, apakah peranan Encik Juki yang bekerja di bahagian fungsian jualan?

- I Menyediakan sebut harga untuk pelanggan
- II Memilih pembekal yang sesuai
- III Membuat penyelidikan berkaitan cita rasa pelanggan
- IV Memberikan nasihat teknikal kepada pelanggan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

17 Gambar 1 menunjukkan perkhidmatan yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).



Gambar 1

Apakah peranan bahagian fungsian yang terlibat?

- A Mengagihkan sumber kewangan ke bahagian yang memerlukan
 - B Mengenal pasti sumber pembiayaan bagi menambah modal perniagaan
 - C Menjawab pertanyaan pelanggan berkenaan dengan perkhidmatan
 - D Mempromosikan perkhidmatan yang ditawarkan secara bersemuka
- 18 Antara berikut, yang manakah menunjukkan penggunaan e-mel dapat meningkatkan kecekapan komunikasi dalam sesebuah perniagaan?
- A Mengurangkan kos dan mempercepat penghantaran maklumat
 - B Menghapuskan keperluan talian internet dalam urusan harian
 - C Memastikan dokumen fizikal dapat disimpan dengan selamat
 - D Memerlukan masa yang lama untuk maklum balas pelanggan
- 19 Pernyataan yang manakah benar tentang pasaran baharu?
- A Pasaran baharu tidak melibatkan pertambahan pengguna baharu
 - B Pasaran baharu diterokai dengan menggunakan produk sedia ada
 - C Pasaran baharu diwujudkan khusus untuk produk yang baharu sahaja
 - D Pasaran baharu penting bagi menguasai pasaran yang lebih besar
- 20 Maklumat berikut berkaitan peranan interaksi antara perniagaan dengan pihak luar.

- Memastikan stok dihantar mengikut jadual
- Mendapatkan kemudahan kredit perdagangan

Apakah jenis interaksi yang terlibat?

- A Interaksi dengan bank
- B Interaksi dengan pembekal
- C Interaksi dengan pelanggan
- D Interaksi dengan agensi kerajaan

21 Apakah tujuan latihan diberikan kepada pekerja?

- A Meningkatkan bilangan tenaga kerja
- B Mengurangkan waktu operasi perniagaan
- C Meningkatkan kemahiran dan produktiviti pekerja
- D Mengurangkan kos keseluruhan perbelanjaan syarikat

22 Maklumat berikut berkaitan faktor penentu sistem penggajian.

- Pemberian gaji kepada pekerja mestilah minimum RM1700

Apakah faktor penentu penggajian tersebut?

- A Bentuk dan jenis tugas
- B Permintaan dan penawaran buruh
- C Ganjaran yang dibayar oleh pesaing
- D Undang-undang dan peraturan kerajaan

23 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan pengurusan sumber manusia dalam sesebuah organisasi.

Sebagai pengurus besar, Puan Hasni sentiasa mengadakan perbincangan bersama pekerja untuk menyelesaikan sebarang konflik dan isu yang timbul di tempat kerja.

Apakah kepentingan aspek pengelolaan sumber manusia tersebut?

- A Mewujudkan suasana kerja yang harmoni dan kondusif
- B Menjamin peningkatan kadar keuntungan syarikat
- C Mengurangkan kos latihan dan pembangunan pekerja
- D Menghapuskan persaingan dengan syarikat pesaing

24 Antara berikut, yang manakah merupakan ciri struktur organisasi matriks?

- A Pekerja menerima arahan daripada dua orang ketua yang berbeza
- B Bahagian diwujudkan mengikut jenis produk yang ditawarkan
- C Kakitangan disusun berdasarkan bidang kepakaran sahaja
- D Operasi perniagaan dijalankan mengikut kawasan geografi



25 Gambar 2 merupakan sejenis sumber fizikal bagi sebuah organisasi perniagaan.



Gambar 2

Apakah ciri bagi sumber fizikal tersebut?

- A Pemeriksaan secara berkala di dalam stor supaya mencukupi
- B Barangan perlu diinsuranskan supaya dilindungi daripada risiko
- C Bahan yang digunakan dalam proses untuk menghasilkan produk
- D Produk yang sedia untuk dijual terus kepada pengguna akhir


26 Pernyataan berikut merupakan salah satu cara mengurus sumber teknologi.

- Hasil kreativiti didaftarkan di MyIPO untuk mengelak daripada ancaman cetak rompak

Apakah sumber teknologi yang terlibat?

- A Paten
- B Harta intelek
- C Lesen perisian
- D Hak Cipta Terpelihara

27 Rajah 2 berkaitan dengan prosedur mengurus sumber fizikal.



Rajah 2

Apakah Z?

- A Mendaftarkan paten dengan MyIPO
- B Membeli insurans untuk melindungi risiko
- C Pemeriksaan mesin dua kali sebulan
- D Pemasangan alat mencegah kebakaran

28 Apakah kelebihan rizab keuntungan sebagai modal pusingan perniagaan?

- A Cagaran untuk pinjaman hanya dalam bentuk aset tetap
- B Pinjaman boleh diselaraskan mengikut keperluan semasa
- C Pembayaran balik pinjaman mengikut kemampuan peminjam
- D Perniagaan tidak perlu membayar faedah atas pinjaman

29 Pilih pasangan yang betul?

	Jenis Sumber Pembiayaan	Huraian
A	Overdraf	Kemudahan kredit untuk pemegang akaun semasa
B	Syer	Diberikan kepada usahawan untuk memulakan perniagaan
C	Sewa beli	Bahagian dalam modal perniagaan atau saham
D	Modal permulaan	Menyewa aset dengan tujuan membeli

30 Antara berikut, yang manakah peranan Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC)?

- A Menyediakan pinjaman jangka pendek
- B Menawarkan geran dalam industri teknologi tinggi
- C Memberi jaminan kepada usahawan yang berdaya maju
- D Menyediakan latihan dan kursus kepada usahawan baru

31 Susun langkah yang betul bagi prosedur pembiayaan Majlis Amanah Rakyat (MARA).

- I Menyediakan dokumen yang lengkap
- II Menyediakan rancangan perniagaan
- III Memperolehi surat kelulusan
- IV Mendapatkan khidmat nasihat

- A I, III, II dan IV
- B I, IV, II dan III
- C II, III, I dan IV
- D II, IV, I dan III



32 Maklumat berikut merupakan data kewangan bagi Perniagaan Sinar.

Butiran	RM
Aset Semasa	50 000
Liabiliti Semasa	20 000
Untung Kasar	35 000

Hitung nisbah semasa bagi perniagaan tersebut.

- A 2.5: 1
- B 1.8 : 1
- C 1.4: 1
- D 0.6 : 1

33 Antara yang berikut, yang manakah merupakan elemen liabiliti semasa?

- I Modal
- II Inventori
- III Overdraf bank
- IV Akaun belum bayar

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

34 Maklumat berikut berkaitan dengan kaedah operasi sebuah perniagaan.

Cik Ayuni menjual perabot secara fizikal di kedainya. Namun, demi memenuhi perubahan trend pembelian pelanggan masa kini, beliau telah beralih menyediakan platform jualan digital dan khidmat penghantaran terus ke rumah.

Apakah ciri keusahawanan yang ditunjukkan oleh Cik Ayuni?

- A Berani mengambil risiko
- B Kreatif dan inovatif
- C Fleksibel
- D Tabah

35 Antara berikut, manakah contoh stok berisiko tinggi?

- A Ikan
- B Sayuran
- C Daging
- D Kereta mewah

- 36 Pernyataan manakah yang menerangkan fungsi invois?
- A Menyenaraikan barangan yang telah dijual secara tunai
 - B Mengesahkan penerimaan bayaran tunai daripada pelanggan
 - C Mengesahkan transaksi belian atau jualan barang secara kredit
 - D Menyenaraikan semua urus niaga perniagaan dalam tempoh sebulan
- 37 Apakah kelebihan kepada usahawan yang mendaftarkan perniagaan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956?
- A Proses penubuhan perniagaan adalah lebih mudah
 - B Hayat perniagaan berterusan walaupun pemilik meninggal dunia
 - C Entiti perniagaan Adalah berasingan daripada pemiliknya
 - D Liabiliti pemilik adalah terhad kepada modal yang dilaburkan
- 38 Pernyataan manakah yang tepat berkaitan dengan elemen dalam campuran pemasaran?
- A Agihan memastikan barang dan perkhidmatan sampai kepada pengguna
 - B Promosi berkaitan dengan penetapan nilai-nilai bagi sesuatu produk
 - C Harga merangkumi aspek pembungkusan, reka bentuk dan jenama produk
 - D Produk melibatkan aktiviti komunikasi untuk menarik minat pembeli
- 39 Pernyataan manakah yang menerangkan kaedah promosi dengan tepat?
- A Pengiklanan - menyampaikan maklumat secara tidak langsung melalui media massa
 - B Publisiti - maklumat yang disampaikan mempunyai kredibiliti yang lebih tinggi
 - C Promosi jualan - interaksi secara bersemuka antara penjual dengan pembeli
 - D Jualan langsung - insentif jangka pendek untuk menggalakkan pembelian segera
- 40 Antara berikut, elemen manakah yang terdapat dalam rancangan pentadbiran bagi sesebuah rancangan perniagaan?
- A Jadual imbuhan gaji dan insentif pekerja
 - B Carta alir proses pengeluaran produk
 - C Senarai mesin dan peralatan operasi
 - D Latar belakang pemilik perniagaan

KERTAS SOALAN TAMAT

